1. Awat Pak Lah tak mau berblog? Jawapannya, "macam-macam adaaaaaaa.....". Tak ada idea la.... Takut Najib tersinggong la.... Tak mahu ikut Tun laa.... dan sebagainya.

2. Yang dah confirm, Pak Lah dah bagi signal kat Tok Pa, "kalau hang masih handle MOA, jangan lupa hang lantik aku jadi penasihat FAMA, kalau aku dah dapat gelaran "TUN" nanti. Kalau tak lantik, macam mana nak jual tembikai aku nanti".

#### PENGGUNAAN PERKATAAN ALLAH DALAM INJIL

1. Untuk kalangan pembaca, jika kita ingin mengetahui penggunaan perkataan Allah untuk merujuk kepada Tuhan oleh golongan non-muslim, bolehlah kita merujuk kepada pendapat yang telah ditulis oleh bekas Mufti Perlis, iaitu Dr. Mohd Asri Zainal Abidin. Tulisannya pernah ditulis dalam ruangan Bicara Mufti Mingguan Malaysia, dan boleh juga rujuk dalam blognya.

2. Mengikut pendapatnya, tidak salah, bahkan Nabi Muhammad langsung tidak melarangnya. Apa yang disampaikan oleh Nabi kepada umatnya adalah, siapa "ALLAH" yang sebenar-benarnya.

3. Jika melihat "secara objektif" (ungkapan yang biasa diguna-pakai oleh MB Zambry), nama Nabi kita adalah MUHAMMAD BIN ABDULLAH. Abdullah juga membawa maksud "HAMBAA ALLAH". Oleh itu, penggunaan perkataan Allah sudah diguna-pakai sebelum kedatangan Islam lagi, untuk merujuk kepada "Tuhan". [Nama PM kita, Pak Lah pun Abdullah].

4. Jika ikut butir-tulisan oleh "drmaza" ini, pengharaman penggunaan perkataan Allah oleh "non-muslim" seolah-olah bertentangan dengan saranan Nabi kita. [Agak-agaknya, kalau bertentangan, boleh ke kita dikategorikan sebagai derhaka kepada Nabi, sebagaimana hujah derhaka kepada Sultan oleh Zahid Hamidi].

5. Hanya Allah yang lebih mengetahui. AMIN.

By HaghafAuthor Profile Page on March 2, 2009 12:40 PM

Yg Berbhg. Tun,

Jika 'flip flop' sekali sekala tu considered OK le..  
Tapi kalau dah memanjang 'flip flop'nya, memang bermasalah le...

LCCT LABU - flip flop  
Kenaikan GULA - flip flop (memang nak kena Shahrir ni..)  
IJN - flip flop ( Najib, siap kau...)  
Kenaikan TOL - flip flop ( MP Sepang, jaga kau..)  
Penggunaan nama ALLAH - flip flop ( Syed Hamid / Zahid Hamidi, jgn benarkan peristiwa NATRAH berulang...) / Zahid Hamidi - mengapa tak bersuara langsung? Dah bisu ke?. Hal lain bukan main 'mengaumnya'...  
Stimulus package - agaknya nanti flip flop juge..

Haghaf - cukup terguris/terhiris dgn apa yang berlaku akhir ini.  
By chiatdetAuthor Profile Page on March 2, 2009 12:43 PM

Dear Tun and commrades,

Looks like Tingkat Empat has ran out of ideas.  
They wanted Pak Lah to look good and he the rakyat's hero but we are not stupid and naive. Ironically, they have made Pak Lah and the Cabinet look stupid instead. I don't know how much lower can our government go, we almost hit rock bottom now.

The world is facing serious economic problem now but the BN & PR are still play childish games blaming each other. We are so so tired enduring the dirty and low standard politic scenes in Malaysia.

We need a real hero and I don't see any among Jib, KJ, Pak Lah (hahaha), Anwar, Karpal...

Too bad, you've retired.. otherwise you will be my first choice. Thus the more likely maybe Nik Aziz, Kit Siang or HRH Nazrin.  
By saifullah/pedangallahAuthor Profile Page on March 2, 2009 12:52 PM

- 1) Rata-rata dari kita rakyat Malaysia sudah cukup mengenali insan yang bernama Abdullah Badawi (PM kita)
- 2) Tidak satu pun dari kita yang merasa hairang dengan tindakan flip-flop pemimpin kita ini.
- 3) Tindakan PM kita sebestarnya menggambarkan bahawa apa saja keputusan yang dibuat oleh kerajaan atas apa isu sekali pun tidak boleh diterima bulat-bulat.
- 4) Ini menggambarkan bahawa kerajaan yang ada sekarang
  - Cukup lemah
  - Tidak tahu mentadbir dan memimpin
  - Tidak berwawasan
  - Tidak jelas dengan hala tuju
- 5) Semenjak mengambilalih kerusi PM kita didendangkan dengan pelbagai keputusan yang Flip Flop yang cukup mengecewakan rakyat. Terutamanya keputusan pembatalan pembinaan jambatan bengkok menggantikan tambak johor, kehilangan pulau batu putih kepada Singapura dan lain-lain keputusan yang cukup-cukup mengacewakan rakyat.
- 6) Apa yang boleh kita buat sebagai rakyat, rata-rata dari kita hanya berputih mata mata bila pemimpin kita membuat keputusan yang terburu-buru dan tidak bijak.
- 7) Terbaru PM kita telah menjadi Hero dalam isu Tol, walau sekadar hero kampung tetapi sudah cukup untuk mengesah kan bahawa PAK LAH bakal digelar "BAPA FLIP FLOP NEGARA"
- 8) Biarlah apa pun keputusan yang dibuat tetapi kita mungkin terlepas pandang akan sesuatu isu yang cukup besar iaitu, PERALIHAN KEPIMPINAN NEGARA selepas Mac nanti.
- 9) Cubalah direnung kembali, rekod dan sejarah singkat Pm kita telah terlulis bahawa PM sekarang adalah seorang PM yang Flop Flop.
- 10) Persoalannya dengan status dan rekod yang ditunjukkan oleh PM kita tidak kah PM kita mampu membuat satu lagi keputusan yang Flip Flop yang maha agung dan menjemu dan memualkan dengan

Menarik balik keputusan peralihan kuasa.

11) Dari apa yang tercatat dalam lembaran sejarah ringkas pentadbirannya, perkara ini tidak mustahil akan berlaku, kerana PM kita sekarang bukanlah peduli sangat kehendak dan suara rakyat,

12) yang lebih diutamakan adalah kepuasan kuasa dan keluarga sahaja, Hanya retorik semata apabila memperjuangkan kehendak rakyat tetapi sebaliknya tidak.

13) Seandainya ini terjadi, maka nasib kita sebagai rakyat Malaysia akan bertambah buruk terutama dalam suasana ekonomi yang lembab ini.

14) Ekonomi yang lembab akan bertambah lembab jika kita membiarkan negara dipinpin oleh mereka yang lembab.

15) Jika krisis 1997/98 kita berpeluang melihat sentuhan emas lagi ajaib oleh bekas PM kita, persoalannya adakah sekarang kita berpeluang melihat situasi yang sama berulang.

16) Melihat situasi sekarang apa yang boleh disimpulkan adalah " JAUH PANGGANG DARI API"

17) Yang lebih melucukan adalah Pm kita sekarang bukan main lagi dengan bangganya mencanangkan kepada negara luar kejayaan kita menangani krisis 1997/98, seolah -oleh dialah wira,

18) Tetapi bila krisis berulang lagi, tak ada pulak PM kita keluarkan idea bernas yang boleh dibanggakan negara dan menjadi ikutan Dunia.

19) Buatlah kita berbangga dengan kejayaan dan idea orang lain, seperti kata orang "LEMBU PUNYA SUSU, SAPI DAPAT NAMA"

20) Kalau nak dibanggakan pun janganlah selective sangat, mengapa pasal ekonomi kita tumpang nama, tetapi pasal pembangunan yang Bekas Pm dah rancang kita batalkan,

21) Kalau dan sedar kita ni jenis yang tak ada idea sangat, janganlah nak jadi hero dengan batalkan projek yang telah orang rancang untuk negara, Dah lah kita kering idea, idea orang bagi kita batalkan pulak,

22) Bukan tak boleh batal, tapi mesti ganti dengan idea lain yang lebih elok, itu tak salah, tapi batal senang, idea gantian "HAMPEH" dan tak boleh pakai langsung.

23) Lagi satu kalau tak ada idea jangan jadi bodoh sombong sangat, belajarlah dari orang yang berpengalaman, tapi Pm kita buat musuh dengan bekas PM kita yang bertanggung jawab melantiknya,

24) isk,isk,isk sungguh tak kenang budi langsung Pm kita sekarang, Patut la pentadbirannya tak berkat, sebab tak kenang budi la.

25) Keadaan ini lah yang menyebabkan rakyat cuak dengan PM sekarang, sebab rata-rata rakyat masih hormat dan sanjung jasa bekas PM tetapi Pm sekarang kutuk bekas PM, Bila PM sekarang kutuk bekas PM bermakna PM tak hargai suara rakyat.

26) Kesimpulan nya cukup mudah, Kalau PM kita bijak apa salahnya bagi STATUS BERTARAF MENTERI KEPADA BEKAS PM, dalam majlis majlis rasmi Bekas PM boleh duduk sebaris dengan Pak-Pak Menteri bukannya duduk di barisan belakang bersama rakyat biasa.

27) Jika perkara ini diperhatikan rakyat, bermakna rasa hormat rakyat pada Pm sekarang pun lebih apabila Bekas PM menerima penghormatan dari PM sekarang, maka Rakyat akan pula yang akan memberi penghormatan kepada PM sekarang, kerana Pm menghargai pandangan dan perasaan rakyat.

28) Bila perasaan rakyat di lukai oleh PM, maka Pm akan mendapat kebenciad dari rakyat, dan ini lah yang terjadi sekarang. Pm bukan di sanjung malah dikeji,

29) belum pernah ada dalam sejarah Negara PM dibenci sedemikian rupa oleh rakyat.

30) lagi pun tak rugi memberi status " BERTARAF MENTERI KEPADA BEKAS PM" kerana lepas ini pun PM akan mendapat perkara yang sama juga bila dan berhenti dari jadi PM.

31) Percayalah, Nasib Pak Lah akan lebih buruk dari Tun Mahathir apabila Pak Lah dah berhenti dari jawatan PM.

32) Tapi Pak Lah janganlah salahkan rakyat, kerana Pak Lah berhak menuai apa yang Pak Lah tanam sahaja.

33) Tun Mahathir yang cukup berjasa pada rakyat pun mendapat cemuhan, inikan pula Pak Lah yang sejak awal lagi melukankan hati rakyat.

34) Apa pun kita tunggu dan lihat, mungkin ramalan saya ini benar mungkin juga tidak tetapi yang pentingnya saya tidak mahu mencontohi sikap Flip Flop PM kita.

By tingtongAuthor Profile Page on March 2, 2009 1:07 PM

hi tun, this round about the toll hide, my small son also know that they won't increase in toll at this particular time, aiya bn govt. nak buat wayang pun buat lah ada class sikit. pm looks like an outsider not in the cabinet, banyak dia tak tau kah ?

By azmiAuthor Profile Page on March 2, 2009 1:08 PM

Tun jangan risau lah, Pak Lah mesti lepas jawatan. Tak Payahlah provo banyak-banyak. Pak Lah faham niat Tun bersama Najib. Itu sebab sejak kebelakangan ini Tun kurang kutuk Najib!

Tak habis-habis sendiwara politik sekarang. Pak Lah bukan jenis Tun, kami orang Kepala Batas tau la.

Najib naik nanti jangan 'tikus baiki labu' sudah lah. Otak dia bukan macam aruah bapaknya. Berjiwa rakyat!

By PulauAuthor Profile Page on March 2, 2009 1:19 PM

Dearest Tun

Nampak sangat tidak adanya koordinasi diantara Menteri Kabinet dan PM. Buat muka bodoh saja. Orang Kedah kata, buat kering saja....seperti tidak ada apa apa yang berlaku. Hakikatnya, PM dan kabinet telah membuat keputusan tiga minggu lebih awal sebelum pengumuman oleh Md Zain baru baru ini. Tapi PM telah lupa mengenai keputusan tersebut. Bila pengumuman dibuat dan rakyat bantah, baru PM naik panik dan batalkan kenaikan tersebut.

Dia lupa tentang hal ini sebenarnya. Memang dia pelupa. Tak ingat apa pun. Dok ingat bini saja dan bila nak pi holiday sana sini.

Berlagak pandai tapi bodoh punya PM.

By redazunAuthor Profile Page on March 2, 2009 1:25 PM

Salam Tun,Walaupun negara kita ini sering dilanda pelbagai masalah,daripada kerajaan flip flop mcm biskut,dan daripada pemimpin yang lemah lagi lembap mengalahkan baru semalam jadi menteri,(ada jugak yang baru berapa kerat jadi hari dah tunjuk teladan yang baik),malah negara kita ni saya x pernah dgr pun pemimpin kena tembak(kene hantar 2 butir peluru dan maki ckp "celaka" kat org keris ada lah) tapi nak buat mcm mana kan dia kan king..(singh is king).negara kita kini nampak sangat pada keadaan yang teramat gawat daripada ekonomi kepada politik,dan mungkin para pemimpin sekali sekala(mungkin????)terlepas pandang dari sudut sosial,ekonomi terumbang-ambing,ahli politik mengandu domba dan fitnah berleluasa malah pemerintah yang lemah,struktur sosial yang membawa kepada banyak masalah(dadah,jenayah,rusuhan malah anak luar nikah)semakin jadi "biasa" di negara kebangsaan Islam di tenggara malaysia,malah pada ketika saya sedang menaip ini ada anak melayu tengah berpelukan di Jusco Seremban 2..bagaimana untuk membentuk kerajaan prihatin?saya mencadangkan lahirkan dulu rakyat yang prihatin,ni dekat LRT kualalumpur - seremban,orang buta naik kereta api pun remaja melayu buat x tau je..memalukan(saya pun tgh berdiri ketika itu),jadi kerajaan prihatin = rakyat prihatin atau kerajaan flip flop = rakyat flip flop?,ptg naik tol malam jangan naik tol,dalam ketapi ada org buta jangan bangun - ada org tegur baru bangun...pelik punya negara ni

By anakku5Author Profile Page on March 2, 2009 1:28 PM

Tun Yang Dikasihi,

Dulu waktu rakyat Indonesia memilih Presiden buta dan kuat tido, saya pernah kata kenapa la dalam berjuta-juta orang rakyat Indonesia tu tiada ke yang lebih layak memimpin... kesian kat dia orang dapat Presiden macam tu...ekonomi merudum negara huru hara ...

Mana la sangka rupanya kita akhirnya dipimpin oleh orang yang macam tu juga. Saling tak tumpah. Celik yang buta, tak pekak tapi tidak mendengar, bercakap tak cerdik lebih baik bisu... dan dikala rakyat jelata pening memikir untuk mencari sesuap nasi, PM kita masih terlalu lena dibuai mimpi...

PM ooooo, kapal dah nak karam ni, bangun-bangun laaa.. awat tido memanjang...nanti melekat mata tu terus tak leh buka..

By PulauAuthor Profile Page on March 2, 2009 1:29 PM

Dearest Tun

Nampak sangat tidak adanya koordinasi diantara Menteri Kabinet dan PM. Buat muka bodoh saja. Orang Kedah kata, buat kering saja....seperti tidak ada apa apa yang berlaku. Hakikatnya, PM dan kabinet telah membuat keputusan tiga minggu lebih awal sebelum pengumuman oleh Md Zain baru baru ini. Tapi PM telah lupa mengenai keputusan tersebut. Bila pengumuman dibuat dan rakyat bantah, baru PM naik panik dan batalkan kenaikan tersebut.

Dia lupa tentang hal ini sebenarnya. Memang dia pelupa. Tak ingat apa pun. Dok ingat bini saja dan bila nak pi holiday sana sini.

Berlagak pandai tapi bodoh punya PM.  
By azrinAuthor Profile Page on March 2, 2009 1:34 PM

Salam Tun

If he really want us to remember him by just as how you are reminded of when we see KLCC and KL Towers etc, he should just get rid of the LDP toll and the PLUS Highways. Period.

It just will cost them RM4 billion....far less than the water deal in Selangor.

Best regards

Dr Azrin @ <http://www.zyraz.com>  
By yayAuthor Profile Page on March 2, 2009 1:34 PM

Salaam Tun,

Biasa le.....masa menteri buat keputusan dia punya chief tidur lena zzzzzzzzzzzzzzz, bila keputusan dibuat...tiba tiba chief terkejut terjaga.....jadi dia tak tahu hujung pangkal terus suruh kaji semula.....jadi le flip flop.....he he he, kan kita dah biasa dengan keadaan begini!!!!!!

Yay.  
By ZENAuthor Profile Page on March 2, 2009 1:42 PM

Salam Tun,

Manifestasi "flip-flop" Pak Lah dalam mengurus ekonomi dan kewangan negara boleh dinilai terburuk sekali dalam sejarah Malaysia. Kalau Tun Mahathir digelar Bapa Permodenan Malaysia maka Pak Lah di gelar Bapa Flip-Flop Ekonomi Malaysia, sementara Najib juga di gelar "Apa Nama" paling sesuai untuk beliau menang tanpa bertanding naik DAP roket jadi Perdana Menteri otomatis dalam bulan Mar 2009.

Tipu helah BN yang korup dengan alasan tangguh kenaikan tol tol pasal takut rakyat akan tolak and tendang calun calun BN dalam perang pilihanraya di dua bukit Gantang and Selambu dan di Batang Ai. Ini lah cara cara politik kotor and keji yang cuba dimainkan oleh UMNO selepas Tun buang parti kotor ini, semua kunci kunci di Tingkat 4 dan Kabinet yang tak faham ekonomi dan kewangan negara semakin merosot dan turun mendadak kini. Alangkah tak malu semua politikus politikus UMNO yang tumpu perhatian kepada rampasan kuasa di UMNO dalam bulan Mar 2009 dan juga main api api perkauman, isu agama, isu raja-raja dan isu pelebagaan negara. Rakyat sudah bosan dan sakit hati melihat, membaca dan mendengar segala muslihat dan cakap kosong dari Pak Lah & Kroni-kroni pasal " Ekonomi Stimulus Packages " dan "Mini Budget". Segala ekonomi dan kewangan sebanyak RM7billion dalam 1st ekonomi stimulus packages habis lesap dan hilang dalam pelaksanaan dari Tingkat 4 ke tingkat parti BN hingga rakyat sengsara tanpa apa apa batuan kewangan dan potongan cukai peribadi mahupun turun harga barangan. Apa janji janji "Koridor Koridor Utara, Selatan, Timur dan Barat" yang di suarakan oleh Pak Lah dan UMNO yang belum dilaksanakan sampai kini, pengundi pengundi BN kena tipu dan habuk pun tak ada dalam angan angan koridor ini dan itu. Padan muka !!



review based on the current economic situation. Now, that would have been news which the rakyat would have welcome and praise the Government and PM.

Seriously, who is advising PM & the government on PR & communications related matters?

Sometimes, it makes me wonder why we have idiots working in the Government and perhaps we need to have eligibility criteria for becoming a politician or a minister.

By Akallil PhysicsAuthor Profile Page on March 2, 2009 1:50 PM

Assalamualiakum Tun....

Ingin saya katakan banyak benda dirahsiakan oleh kerajaan untuk menutup tembelang mereka...

Harga tol naik tu memang tak relevan kerana apa guna tol??

Hanya untuk membelanja kos kemudahan awam dan jalan....Cukuplah dengan

beribu orang guna tol setiap hari...takkan lah tak cukup oi...

Saya sakit dengan harga tol sekarang sampai RM6 dari rawang ke KL..mmpah apalagi naik Motosikalah jawabnya...takyah bayar tol,minyak pun murah...apa nak buat??? nasib badan..hahhah

Apa2pun saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Tun atas tajuk yang Hangat...zasss

By resaksegoroniteAuthor Profile Page on March 2, 2009 2:01 PM

baru bleh komen kat blog tun... hari tu lepas Tun tukar hosting server ke apa ntah... website tun tak bagi saya komen... hahaha.. saya kira saya kena ISA kot time tu....

anyway Tun yg dikasihi... saya memang dah meluat tahap resaksa kat pak lelah ni sejak dari pru 11 lagi... tup tup betoi... kalau tun ada masa.. pi la lawat blog saya yg syok sendiri... luahan hati sendiri sebagai orang biasa... anak muda bangsa melayu yg semakin hari semakin sakit hati tgg non bumi besar punya kepala... sakitnya hatiii... Allah saja la yg tau...

jaga kesihatan Tun berdua dan keluarga... moga Tun diberikan Allah kekuatan dan kesihatan yang baik...

By priss01Author Profile Page on March 2, 2009 2:02 PM

There's nothing good Badawi can do in your eyes is there ?. Once you hate somebody, you hate them for life.

By resaksegoroniteAuthor Profile Page on March 2, 2009 2:06 PM

lupa nak bagi website....

paklelah.blogspot.com

luahan hati saya.. kalau nak kena saman pun saman lah... saya orang biasa

By HookamaniaAuthor Profile Page on March 2, 2009 2:23 PM

Salam sejahtera YAB Tun,

Saya merasakan Kerajaan masih lagi dihipit dengan personaliti populariti ketidakpandaian pemimpin politik mengurus tadbir sesebuah Kerajaan. Apabila telah dinaikkan kenapa perlu tidak diteruskan dan kenapa perlunya ia diswastakan atau tiada carakah alternatif lain sehingga selepas keputusan dibuat diturunkan semula.

Tiada orang bijak pandaikah dalam Kerajaan yang mengatakan bahawa perlu kadar tersebut dinaikan secara berperingkat dengan mengatakan bahawa Kerajaan perlu membayar kos-kos tersebut sebagai pampasan atau ia dinaikkan secara perlahan-lahan sehingga menampakkan ruang kelemahan di antara Rakyat dan Kerajaan. Ia serupa seperti kes minyak/ petrol. Mengapa tidak pernah diambil iktibar dari keadaan tersebut.

Apabila harga minyak dinaikkan kesan yang akan timbul adalah Harga Barang akan naik. Telah diberi amaran tetapi masih berdegil. Apabila minyak naik serentak dengan itu harga barangan naik, maka

timbul isu yang akan datang pula.... Kerajaan perlu membelanjakan promosi untuk menurunkan harga barang. Bukankan itu satu perkara yang lucu.

Seperkara lagi, pemimpin politik berfikiran cetek, sama seperti isu Karpal Singh dan juga Khairy Jamaluddin.... Isu tersebut dibangkitkan di Parlimen dan sememangnya Parlimen mempunyai sifat 'Parliamentary'nya dibawah sudut perundangan apabila dibahaskan. Perkataan yang sering didengar dan boleh dijadikan unsur popular adalah 'Tarik Balik' sehingga pemuda datang ke Parlimen untuk mengusulkan supaya Karpal Singh menarik balik bagi memberitahu bahawa mereka sememangnya seorang yang bermaruah.

Tetapi apa yang kelak adalah ucapan YB Khairy yang menentang ucapan tersebut seolah-olah dia adalah Perwira di mata masyarakat. Saya melihat terdapat perkembangan yang negatif apabila Khairy pula mencabar Karpal dengan menggunakan bahasa-bahasa yang kesat. Sama seperti Karpal. 2 x 5 sama sahaja. Tidak berubah. Apabila si itik bercakap, dibalas dengan si angsa maka jadilah pertembungan 2 tradisi yang berbeza orang-orang jahat. Kenapa tidak diletakkan si cacat itu satu bilik dengan Khairy untuk bercakap sepuas-puas hati.

Politik di Malaysia menjadi lebih celaru dengan dicampur unsur-unsur Sultan. Belum habis di Perak disambung pula di Kedah. Apa yang menarik perhatian saya apabila melihat Buletin Utama mereka menggunakan perkataan yang salah tetapi dipamerkan dihadapan kaca tv. Tolonglah betulkan. Bahasa dan Budaya melambangkan bangsa. Bukannya 'Menjungjung' tetapi 'Mejunjung'. Terang-terangan di kaca tv. Memalukan apabila orang melayu tidak pandai menggunakan Bahasa Melayu.... Bukannya mencerca tetapi perlu diperbetulkan.

By BahadorAuthor Profile Page on March 2, 2009 2:30 PM

Salam Tun,

Kisah Tun yang pendek untuk direnung...(kasik chan saya tanya Matanahair sat Tun)

Matanahair, secara peribadi apakah pandangan saudara/i tentang semua keputusan yang dibuat oleh PM sejak akhir-akhir ini? Andai kalau nak dikaitkan dengan mempopularkan diri sebagai PM yang sangat prihatin kepada rakyat...rasanya rakyat dah tak heran kot! Setiap keputusan tanpa kewajaran telah meletakkan rakyat menjadi muak dan jelak...satu contoh dari saya yang langsung tak arif, minyak naik, PM setuju dan Dato Shahrir melulu naikkan harga sampai rakyat susah bernafas. Kata mereka, naik sekali banyak jadi tak perlu naik lagi. Minyak turun, harga pun tersenggut turun tapi masih mahal...turun lagi, tersenggut turun lagi, la ni..dah turun banyak, dia maintain dengan harga yang mahal yang kurang 10 sen dari harga sebelum naik secara total, saudara/i rasa rakyat senang hati ke pasal nie? Pada fikiran rakyat biasa, kenapa aje tak turun lagi sebab minyak dah melimpah di pasaran dunia? Nak cover benda-benda yang mana nie???

Saya akui banyak yang saya kurang arif tetapi apakah peranan saudara/i untuk memberikan penjelasan "damai" yang tepat agar rakyat boleh menerimanya. Kenyataan TUN itu sebenarnya mencabar kita yang bakal dan akan mendukung negara tercinta ini. TUN mungkin ada pelan tindakan dan jalan penyelesaian yang terbaik, tu sebabnya TUN berani "tegur anak, sindir menantu". Bertanya tidak, tak tau, menyombong. Yang penting sekarang nie, kita ke yang tak nampak atau kita yang butakan mata...

Tingkat 4...(The palace of Oxford's intelligent). Hangpa jawab soalan TokWan hangpa tu? Jangan dok cerita keliling yang hangpa tak pernah baca dan tak sakit hati bila masuk dalam blog nie!

"Bodoh boleh diajar, pengalaman mana nak beli"

By aroulAuthor Profile Page on March 2, 2009 2:41 PM

Salam Tun,

Keputusan yg dibuat tentang kadar tol menunjukkan seolah-olah Menteri Kerja Raya tidak berbincang dgn PM tentang keputusan yg melibatkan kepentingan rakyat. Menteri boleh mengambil tindakan sesuka hati. SATU LAGI RETORIK DARI KERAJAAN AAB & KJ.

Wassalam

By noorfaizaAuthor Profile Page on March 2, 2009 2:47 PM

Salam Tun,

Saya hanya berdoa yang Abdullah akan turun bulan ni. Lepas tu dia boleh pegi memancing dan berkebudu sambil tunggu ada apa-apa kes yang dia kena jawab kat court.

Insyallah...

By ritzxxAuthor Profile Page on March 2, 2009 2:56 PM

YABhg Tun

Pak Lah akan terus di kenali sebagai PM ke 5 Malaysia sebagai PM yg paling tidak berani dan selalu tukar tukar cakap

By ogos31Author Profile Page on March 2, 2009 3:06 PM

Salam Y.Bhg Tun,

Tun since so many bad things dah happen in this country lately.

are u going to sit and watch this country fall into total disarray?

Do you see any way out for this country?

By usabukataAuthor Profile Page on March 2, 2009 3:11 PM

menteri JKR jadi orang jahat sebab umum naik tol.

bakal menteri kanan jadi orang baik sebab arahkan suruh kaji semula dan batalkan naik tol.

usabukata.blogspot

By mazharhAuthor Profile Page on March 2, 2009 3:26 PM

Salam Ayahanda Tun,

Saya harap Tun tak marah saya panggil Tun ayahanda. Tun, sebenarnya saya dibesarkan di tempat yang sama dengan Tun - Di Alor Setar; saya lalui jalan-jalan di pekan Alor Setar sama seperti Tun; semasa kecil dan remaja, Pekan Rabu menjadi tempat saya bermain dan juga kadangkala membantu seorang teman berniaga; saya juga bersekolah sama seperti sekolah Tun. Arwah ayah saya yang merupakan seorang guru yang banyak berjasa kepada sistem pendidikan di Negeri Kedah dengan membuka dan meneroka beberapa buah sekolah di kawasan pedalaman, selalu bercerita kepada saya tentang Tun, keperwiraan Tun, cabaran Tun dalam politik dan jasa TUn kepada sistem pendidikan di Malaysia dan kepada negeri Kedah. Oleh itu saya rasa dekat dengan TUn walau pun Tun tidak mengenali saya. sebab itu saya memanggil Tun sebagai ayahanda.

Berbalik kita kepada isu Pak Lah. Saya nak komen tentang perenggan no 4 tulisan Tun, iaitu apabila sampai tempoh pak Lah tak jadi berhenti. Hari ini dala akhbar Pak lah kata dia tetap akan berhenti dan menyerahkan kuasa kepada Najib. Pernyataan Pak Lah ni menguatkan hujah bahawa PAK LAH tak akan berhenti. Sebabnya, sebelum ini dah beberapa kali Pak Lah cakap sesuatu tapi lain yang dibuatnya. Contohnya, pilhanraya bulan Mac 2008, dia pernah cakap Parlimen tak akan dibubarkan dalam masa terdekat, tiba2 2 - 3 hari lepas tu Parlimen bubar..ini contih..ada banyak perkara yang lain dia cakap lain

dia buat.

By anak georgetownAuthor Profile Page on March 2, 2009 3:41 PM

Ayahanda Tun sekeluarga, assalamualaikum.....

Anakanda tumpang lalu .....

By bugis on March 2, 2009 8:35 AM

Apabila terdapat orang Islam yang berperangai buruk adakah adil jika junjungan kita Nabi Muhamad SAW dipersalahkan. Jika anak anda yang telah dewasa menjadi degil dan tidak mendengar kata - kata anda, adakah adil jika anda juga dipersalahkan. Saya tidak taksud kepada mana - mana pemimpin dan bekas pemimpin. Kita perlu berfikir dgn waras sebelum menuduh sembarangan. Apa perasaan anda jika saya bertanya berapa jumlah bayaran yang telah anda terima dari ..... bagi tujuan ini.

Ayahanda Tun, teruskan perjuangan .....

By natta.chai4Author Profile Page on March 2, 2009 3:45 PM

assalamualaikum tun,  
standard mode of operation for paklah and his bunch bandits.

first announce one new law or government policy.then change or retract,finally form a commission to investigate.

jawapan paling koman"Kita akan kaji semula".sepatutnya kaji dulu baru implement..tapi tak.kalau gitu saya pun boleh jadi PM.standard sekolah menengah gombak setia kira okey.

paklah belah ganti dengan dengan dsnajib.macam lepas mulut buaya masuk mulut rimau.....harap demi agama,negara dan bangsa,dsnajib dapat excel to the level.to paklah and si kitol jantan[KJ]bye..bye.forever.please don't make a come back.

By M1166Author Profile Page on March 2, 2009 3:46 PM

Salam Hormat TDMM & TDSH,

We can't make money if we don't create them! During TUN's era we had observed this had been carried out sucessfully but now I am in the opinion the creation is not as effective as before.

Thanks.

By crazy diamondAuthor Profile Page on March 2, 2009 4:27 PM

Tun,

Semasa saya lihat pengumuman Dato' Seri Abdullah yang menyarankan kerajaan untuk mempertimbang balik keputusan untuk menaikkan kadar tol baru - baru, saya juga terfikir sama seperti Tun. Kenapa setelah keputusan dibuat baru nak fikir balik? Jelas sekali ia menunjukkan keputusan lemah yang tidak buat kajian yang mendalam sama sekali. Seperti bertindak dahulu berfikir kemudian. Ianya akan memberi kesan yang amat buruk kepada reputasi kerajaan yang telah pun buruk.

Kepada Matanahair,

Tun tak akan berhenti mengkritik selagi kerajaan terus melakukan kesilapan. Sama ada kita suka atau tidak, Tun tetap akan terus mengkritik. Ianya baik dan penting kerana akan menjadi check and balance kepada kerajaan.

BUSTANUL BISTARI BEY

By anak bangsaAuthor Profile Page on March 2, 2009 4:29 PM

salam Tun sekeluarga..

Saya bangga dengan perjuangan Tun yang tidak pernah pudar untuk anak bangsa negara..kata-kata nukilan dan pandangan Tun amat penting untuk kami tatapi..kerana ia lahir dari hati Tun sendiri..seorang pemimpin yang cukup disegani dan dihormati.

By rozannahAuthor Profile Page on March 2, 2009 4:30 PM

Tun,

sepanjang saya hidup selama lebih 37 tahun, tak pernah saya tengok sebuah pentadbiran kerajaan Malaysia yang tak tumpah macam SARKAS sepertimana yang berlaku sekarang ini. Agaknya ...bila ianya akan berakhir....????.

By indianaAuthor Profile Page on March 2, 2009 4:40 PM

Latest,

Pak Lah appointed new guy as Religious Advisor - Datuk Dr Abdullah Md Zin replacing Tan Sri Abdul Hamid Othman. With 1 month left, what can Pak Lah do? What does he actually want to do?

By RepublicAuthor Profile Page on March 2, 2009 4:44 PM

Selamat petang tun

People: "Do we look happy!?...any good cause for us, for the future, for the generation, for the...!?"

Government: "Possibility, there IS an impact on the nation economic and NEEDS to be blah,blah..blah...."

Opposition: "There ARE alternatives! Why must use....!"

Country: "OMG! My peers are watching the never-ending DRAMA which have been playing right on top of my nose all this while....And I am being squeezed dry to death!...HeLp!"

World: "Who cares!"

...and so, they WILL NOT live happily ever after.

The End

By YeePakYoonAuthor Profile Page on March 2, 2009 4:51 PM

Assalamu'alaikum dan Salam Sejahtera,

Dalam komen saya untuk "entry" ini sebelum ini, saya ada meminta pembaca merujuk kepada pendapat bekas mufti Perlis, Dr. Mohd Asri Zainul Abidin (ejaan nama yang lebih betul) mengenai isu penggunaan nama ALLAH. Di sini saya perturunkan tulisan beliau mengenai isu tersebut, yang telah disiarkan dalam Mingguan Malaysia tahun lalu, dalam ruangan Minda Mufti (bukan Bicara Mufti).

Beza Antara Merebut Nama Allah Dan Mempertahankan Akidah

Isu dalam artikel ini telah ditulis oleh Dr Mohd Asri Bin Zainul Abidin setahun yang lalu. Dicadangkan untuk pembacaan.

Banyak pihak mendesak saya memberikan pandangan tentang penggunaan nama Allah oleh agama lain khususnya agama Kristian di Malaysia ini. Pada awalnya, saya selalu mengelak, cuma memberikan pandangan ringkas dengan berkata: "Isu ini bukan isu nas Islam, ianya lebih bersifat pentadbiran atau tempatan".

Peraturan ini mungkin atas alasan-alasan setempat seperti kenapa sekarang baru ditimbulkan isu ini? Kenapa hanya Bible dalam Bahasa Melayu sahaja yang hendak menggunakan panggilan Allah, tidak pula edisi Inggerisnya? Adakah di sana ada agenda tersembunyi? Maka wujudnya tanda soal dan beberapa prasangka yang mungkin ada asasnya. Maka lahirlah kebimbangan terhadap kesan yang bakal timbul dari isu itu nanti.

Namun, akhir-akhir ini saya terus didesak. Saya kata: jika anda hendak tahu pendirian Islam bukanlah dengan falsafah-falsafah tentang akar bahasa itu dan ini yang diutamakan. Rujuk terdahulu apa kata al-Quran dan al-Sunnah. Lepas itu kita bincang hukum berkenaan bertitik tolak dari kedua sumber tersebut.

Kadang-kala kesilapan kita dalam mempertahankan perkara yang tidak begitu penting, boleh melupakan kita kepada isu yang lebih penting. Isu yang terpenting bagi saya adalah kefahaman mengenai keadilan dan kerahmatan Islam yang mesti sampai kepada setiap rakyat negara ini, muslim atau bukan muslim. Supaya gambaran negatif yang salah terhadap Islam dapat dikikis dari minda mereka yang keliru.

Di samping itu, hendaklah kita jelas bahawa yang membezakan akidah Islam dan selainnya bukanlah pada sebutan, atau rebutan nama Allah, sebaliknya pada ketulusan tauhid dan penafian segala unsur syirik.

Di samping, kita mesti bertanya diri kita: mengapakah kita sentiasa merasakan kita akan menjadi pihak yang tewas jika orang lain memanggil tuhan Allah? Mengapakah kita tidak merasakan itu akan lebih memudahkan kita menyampaikan kepada mereka tentang akidah Islam?. Maka, apakah isu ini bertitik tolak dari nas-nas Islam, atau kebimbangan disebabkan kelemahan diri umat Islam itu sendiri?

Jika kita membaca Al-Quran, kita dapati ia menceritakan golongan musyrikin yang menentang Nabi Muhammad s.a.w juga menyebut nama Allah dan al-Quran tidak membantah mereka, bahkan itu dijadikan landasan untuk memasukkan akidah Islam yang sebenar.

Firman Allah: (maksudnya) "Dan Demi sesungguhnya! jika engkau (Wahai Muhammad) bertanya kepada mereka: "Siapakah yang menciptakan mereka?" sudah tentu mereka akan menjawab: "Allah!". (jika demikian) maka bagaimana mereka rela dipesongkan? Dan (Dia lah Tuhan Yang mengetahui rayuan Nabi Muhammad) yang berkata: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya mereka ini adalah satu kaum yang tidak mahu beriman!" (Surah al-Zukhruf ayat 87-88).

Firman Allah dalam ayat yang lain: (maksudnya) "Dan sesungguhnya jika engkau (Wahai Muhammad) bertanya kepada mereka (yang musyrik) itu: "siapakah yang menurunkan hujan dari langit, lalu dia hidupan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya?" sudah tentu mereka akan menjawab: "Allah". Ucapkanlah (Wahai Muhammad): "Alhamdulillah" (sebagai bersyukur disebabkan pengakuan mereka yang demikian), bahkan kebanyakan mereka tidak menggunakan akal (untuk memahami tauhid) (Surah al-Ankabut ayat 63).

Ayat-ayat ini, bahkan ada beberapa yang lain lagi menunjukkan al-Quran tidak membantahkan golongan bukan muslim menyebut Allah sebagai Pencipta Yang Maha Agung. Bahkan Nabi Muhammad s.a.w disuruh untuk mengucapkan kesyukuran kerana mereka mengakui Allah. Apa yang dibantah dalam ayat-ayat ini bukanlah sebutan nama Allah yang mereka lafazkan, sebaliknya ketidak tulusan tauhid yang menyebabkan akidah terhadap Allah itu dipesongkan atau bercampur syirik.

Justeru, soal bukan muslim mengakui Allah tidak dibantah oleh Islam, bahkan kita disuruh bersyukur kerana pengakuan itu. Cuma yang dibantah ialah kesyirikan mereka. Umpamanya, jika kita mendengar

bukan muslim menyebut “Allah yang menurunkan hujan, atau menumbuhkan tumbuhan”, maka kita tentu gembira kerana dia mengakui kebesaran Allah.

Apakah patut kita kata kepadanya: awak jangan kata Allah yang menurunkan hujan, atau mencipta itu dan ini, awak tidak boleh kata demikian kerana awak bukan muslim, sebaliknya awak kena kata tokong awak yang menurun hujan”. Apakah ini tindakan yang betul? Tidakkah itu menjauhkan dia dari daerah ketuhanan yang sebenar? Kita sepatutnya berusaha mendekatkan dia kepada ajaran yang benar. Namun, jika dia berkata: “Tokong ini adalah Allah”. Saya kata: “Awak dusta, itu tidak benar! Maha suci Allah dari dakwaan awak”.

Maka, ketika Allah menceritakan peranan peperangan dalam mempertahankan keamanan dan kesejahteraan manusia, Allah menyebut: (maksudnya) “.dan kalaulah Allah tidak mendorong setengah manusia menentang (pencerobohan) setengah yang lain, nescaya runtuhlah tempat-tempat pertapaan serta gereja-gereja (kaum Nasrani), dan tempat-tempat sembahyang (kaum Yahudi), dan juga masjid-masjid (orang Islam) yang sentiasa disebut nama Allah banyak-banyak dalam semua tempat itu dan sesungguhnya Allah akan menolong sesiapa yang menolong ugamanya (ugama Islam); Sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Perkasa. (Surah al-Hajj ayat 40).

Ayat ini mengakui tempat-tempat ibadah itu disebut nama Allah.

Adapun berhubung dengan orang Kristian, Allah menyebut: (maksudnya) “Sesungguhnya telah kafirlah mereka yang berkata: “Bahawasanya Allah ialah salah satu dari yang tiga (trinititi)”. padahal tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Tuhan Yang Maha Esa..(Surah al-Maidah ayat 73).

Ayat ini tidak membantah mereka menyebut Allah, tetapi yang dibantah adalah dakwaan bahawa Allah adalah satu dari yang tiga.

Justeru itu kita lihat, orang-orang Kristian Arab memang memakai perkataan Allah dalam Bible mereka, juga buku-buku doa mereka. Tiada siapa pun di kalangan para ulama kaum muslimin sejak dahulu yang membantahnya. Jika ada bantahan di Malaysia, saya fikir ini mungkin atas alasan-alasan setempat yang saya sebutkan pada awal tadi. Cuma yang diharapkan, janganlah bantahan itu akhirnya memandulkan dakwah Islam dan menjadikan orang salah faham terhadap agama suci ini.

Saya selalu bertanya sehingga bilakah kita di Malaysia ini akan begitu defensive, tidak memiliki anti-bodi dan tidak mahu berusaha menguatkannya dalam diri? Akhirnya, kita terus bimbang dan takut kepada setiap yang melintas. Padahal itu bukan sifat Islam. Islam agama yang ke hadapan, misi dan intinya sentiasa disebarkan.

Sehingga Allah menyebut: (maksudnya):“Dan jika seseorang dari kalangan musyrikin meminta perlindungan kepadamu, maka berilah perlindungan kepadanya sehingga dia sempat mendengar keterangan-keterangan Allah (tentang hakikat Islam itu), kemudian hantarliah dia ke tempat yang selamat. Demikian itu (perintah tersebut) ialah kerana mereka itu kaum yang tidak mengetahui (hakikat Islam). (Surah al-Taubah ayat 6).

Ada orang tertentu yang berkata kepada saya: nanti orang Islam keliru kerana sebutan nama Allah itu sama antara mereka dan Islam. Lalu rosak akidah orang Islam kita nanti. Saya berkata kepadanya: “Jikalaulah sebutan nama tuhan itulah yang menentukan akidah Islam, tentulah golongan musyrikin Mekah tidak memerlukan akidah yang dibawa oleh Nabi s.a.w. Mereka telah sekian lama memanggil tuhan dengan panggilan Allah.

Lihatlah bapa Nabi kita Muhammad bernama ‘Abdullah yang bermaksud hamba Allah. Tentu sekali bapa baginda lahir pada zaman jahiliah sebelum kemunculan baginda sebagai rasul. Nama itu dipilih oleh datuk Abdul Muttalib yang menjadi pemimpin Quraish pada zaman dahulu. Quraish pada zaman jahiliah juga bertawaf dengan menyebut: Labbaik!Lahhumma yang bermaksud: Menyahut seruanMu ya Allah!

Al-Imam Muslim dalam sahihnya meriwayatkan hadis mengenai perjanjian Hudaibiah antara Nabi s.a.w dengan Quraish Mekah, seperti berikut:

“Sesungguhnya Quraish membuat perjanjian damai dengan Nabi s.a.w. Antara wakil Quraish ialah Suhail bin ‘Amr. Sabda Nabi s.a.w : barangkali aku boleh tulis Bismillahirrahmanirrahim. Kata Suhail: Adapun Bismillah (dengan nama Allah), maka kami tidak tahu apa itu Bismillahirrahmanirrahim. Maka tulislah apa yang kami tahu iaitu Bismikallahumma (dengan namaMu Ya Allah!)”. Dalam riwayat al-Bukhari, Nabi s.a.w menerima bantahan tersebut. Ternyata mereka menggunakan nama Allah.

Maka yang membezakan akidah Islam dan selainnya adalah tauhid yang tulus yang menentang segala unsur syirik. Ketidak jelasan dalam persoalan inilah yang menggugat akidah jenerasi kita. Mereka yang berakidah dengan akidah Islam sangat sensitif kepada sebarang unsur syirik agar tidak menyentuh akidahnya. Bukan semua yang mengakui Allah akan dianggap beriman dengan iman yang sah selagi dia tidak membersihkan diri dari segala unsur syirik.

Lihat, betapa ramai yang memakai serban dan jubah, berzikir sakan tetapi dalam masa yang sama menyembah kubur-kubur tok wali tertentu dengan cara menyeru dan merintah pemohonan darinya. Ini yang dilakukan oleh sesetengah tarekat yang sesat. Apa beza mereka ini dengan yang memanggil nama-nama berhala yang asalnya dari nama orang-orang saleh juga, yang mati pada zaman dahulu.

Firman Allah: (maksudnya) Ingatlah! Untuk Allah agama yang suci bersih (dari segala rupa syirik). dan orang-orang yang musyrik yang mengambil selain dari Allah untuk menjadi pelindung (sambil berkata): “Kami tidak menyembah mereka melainkan supaya mereka mendekatkan kami kepada Allah se hampir-hampirnya. Sesungguhnya Allah akan menghukum antara mereka tentang apa yang mereka berselisihan padanya. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada orang-orang yang tetap berdusta (mengatakan Yang bukan-bukan), lagi sentiasa kufur (dengan melakukan syirik). (Surah al-Zumar ayat 3).

Di Malaysia kita pun ada yang memakai gelaran agama menentang pengajaran tauhid rububiyah, uluhiyyah, asma dan sifat. Mereka ini menyimpan agenda musuh-musuh dakwah. Padahal pengajaran tauhid yang sedemikianlah yang mampu menjadikan muslim memahami dengan mudah hakikat tauhid. Mampu membezakan antara; sekadar mempercayai kewujudan Allah dengan mentauhidkan Allah dalam zatNya, ibadah kepadaNya dan sifat-sifatNya.

Persoalan tauhid anti syirik ini begitu mudah dan ringkas untuk memahaminya. Nabi s.a.w telah menyebarkannya dengan begitu pantas dan mudah. Seorang badawi buta huruf yang datang berjumpa baginda mampu memahami hanya dalam beberapa sesi ringkas. Bahkan mampu pulang dan mengislamkan seluruh kaumnya dengan akidah yang teguh. Namun, di kalangan kita, pengajaran akidah yang dinamakan ilmu kalam begitu berfalsafah dan menyusahkan.

Bukan sahaja badwi, orang universiti pun susah nak faham. Sehingga seseorang bukan bertambah iman, tetapi bertambah serabut. Bertahun-tahun masih dalam kesamaran. Diajar Allah ada, lawannya tiada, dengar lawannya pekak, lihat lawannya buta..lalu ditokok tambah dengan falsafah-falsafah dan konsep-konsep yang menyusahkan. Padahal penganut agama lain juga menyatakan tuhan itu ada, melihat, tidak buta, mendengar, tidak pekak dan seterusnya. Apa bezanya jika sekadar memahami perkara tersebut cuma?

Maka anak-anak orang Islam kita gagal memahami hakikat tauhid anti-syirik yang sebenar. Padahal ianya begitu mudah semudah memahami kalimah-kalimah akidah dalam surah al-Ikhlash yang ringkas. Kata Dr Yusuf al-Qaradawi: “Tambahan pula, perbincangan ilmu kalam, sekalipun mendalam dan kepekaan akal untuk memahami dan menguasainya, ia bukannya akidah...Lebih daripada itu perbincangan ilmu kalam telah terpengaruh dengan pemikiran Yunan dan cara Yunan dalam menyelesaikan masalah akidah. Justeru itu imam-imam salaf mengutuk ilmu kalam dan ahlinya serta berkeras terhadap mereka” (Al-Qaradawi, *Thaqafah al-Da'iyah*, m.s. 92 Beirut: Muassasah al-Risalat).

Dahulu kelemahan ini mungkin tidak dirasa, tetapi apabila kita hidup dalam dunia persaingan, kita mula menderitai kesannya.

Jika akidah jenerasi kita jelas, apakah mereka boleh keliru antara ajaran Islam dan Kristian? Adakah mereka tidak tahu beza antara ajaran yang menyebut tuhan bapa, tuhan anak dan ruhul qudus dengan akidah Islam yang anti-syirik, hanya disebabkan adanya sebutan Allah? Begitu jauh sekali perbezaan itu! Bagaimana mungkin sehingga mereka tidak dapat membezakan antara malam dan siang? Apakah juga nanti kita tidak membenarkan pihak lain menyebut nama nabi Ibrahim, Ishak, Ya'kub, Daud dan lain-lain kerana budak-budak kita akan keliru lagi. Akidah apakah yang mereka belajar selama ini di KAFA, JQAF dan berbagai lagi sehingga begitu corot. Kalau begitu, sama ada sukatan itu lemah, atau tenaga pengajarnya perlu dibetulkan.

Maka sebenarnya, isu ini adalah isu kelemahan kita umat Islam dalam memahami akidah yang sebenar. Jenerasi kita tidak mempunyai benteng akidah yang kukuh. Lalu kita semua bimbang mereka keliru dengan akidah orang lain. Untuk mengatasi masalah ini, kita cuba mengambil pendekatan undang-undang. Agar dengan halangan undang-undang, kelemahan akidah generasi kita dapat dipertahankan.

Persoalan yang patut kita fikirkan, sehingga bilakah kita akan mampu terus hidup hanya berbekalkan oksigen dari saluran undang-undang sehingga kita yang majoriti, dengan segala peruntukan yang ada; TV, radio, berbagai-bagai institusi dan agensi yang dilindungi, masih takut kepada gerakan minoriti? Di manakah kehebatan Islam yang selalu kita sebut dan ceritakan sejarah kegemilangannya? Atau sebenarnya, kita tidak memiliki Islam seperti hari ia diturunkan? Maka kempen Islam kita selalu tidak berkesan.

Bagi saya, bukan soal nama Allah itu yang terlalu perlu untuk direbut atau dijadikan agenda besar. Tetapi, gerakan membina semula akidah yang sejahtera dan memahami generasi kita wajah Islam yang sebenar agar mampu bersaing dan menghadapi cabaran zaman.  
By zaidi aliAuthor Profile Page on March 2, 2009 4:54 PM

Salams Tun,

Rasanya dah tiba masanya "Bakal Kerajaan Najib" memfokuskan kepada masalah pokok yang paling hebat memberi tekanan kepada masalah kewangan rakyat Malaysia. Sepanjang tempoh pemerintahan di bawah "Kerajaan Pak Lah", rakyat kurang pendapatan kerana kerajaan terlalu berjimat. Banyak syarikat yang "gulung tikar" kerana tiada bisnes.

Semasa "Kerajaan Tun" memerintah rakyat hidup senang lenang, rezeki melimpah ruak, projek tak henti-henti, negara tak cukup duit Tun bawa mai FDI dan bermacam lagi yang Tun bawa.

Sekarang dah lain Tun. Rakyat susah, kadar jenayah meningkat, menteri dah berani merompak, kontraktor dah jadi pencuri, negara tak cukup duit terpaksa henti projek, FDI menyusut, pelabur lari dan bermacam beban yang rakyat terpaksa tanggung akibat kenaikan itu kenaikan ini.

Saya tak hanya salahkan Pak Lah dan ekonomi dunia yang lembab.

Sedikit sebanyak Tun juga bertanggungjawab mengenakan polisi-polisi kewangan yang membeban rakyat semasa kegemilangan "Kerajaan Tun" dahulu. Waktu itu rakyat bermewah walaupun rakyat terpaksa berbelanja lebih. Kalau makan gaji dengan syarikat swasta berpendapatan RM1,000 sebulan, kenaikan dapat 10% setahun dan bonus syarikat beri 2 bulan ke atas. Syarikat-syarikat semuanya SIHAT.

Sekarang ini sekiranya pendapatan gaji seorang kerani bank sebanyak RM1,000 sebulan, bayar kereta WIRA pun RM600 sebulan (Enam Puluh Peratus X Pendapatan). Polisi siapa yang menghentam beratus-ratus peratus cukai kereta import dan duti eksais hingggakan harga kereta import terlalu tinggi daripada harga WIRA yang sememangnya tinggi? Polisi siapa yang menekan kesemua harga kereta menjadi terlalu tinggi.

Terus terang saya katakan bahawa saya tidak sanggup lagi melihat anak muda berpendapatan RM1,000 sebulan mengeluh setiap bulan kerana terpaksa dicabut 60% pendapatannya hanya untuk sebuah WIRA yang sekarang ini semakin merosot kualitinya dan tiada nilai pasaran. Sepatutnya mereka boleh membeli sebuah Toyota VIOS dengan bayaran ansuran hanya sekitar RM300 sebulan. Polisi siapa asalanya yang menyebabkan mereka tiada pilihan? Cuba Tun fikirkan apa yang Tun boleh beli dengan baki RM400 di zaman Pak Lah sekarang. Tak patut sangatlah kita nasihatkan dia beli Modenas Kriss!

Polisi siapa pula pada asalanya yang menyebabkan "Kerajaan Pak Lah" terlalu tunduk kepada "Gengster-gengster Tol" sekarang ini. Samy Vellu tandatangan saja. Mana dibelajar "rakyat tak bayar, kerajaan tolong bayar". Tiada risiko langsunglah bisnes "Si Gengster Tol". Polisi siapa asalanya yang membolehkan golongan "shareholders are not stakeholders"? Saya pun nak jadi "shareholders" kalau tiada risiko!

Walau bagaimanapun saya berterima kasih banyak-banyak kepada Tun kerana telah memertabatkan Malaysia di mata dunia dan memberi peluang kita bersukaria seketika dahulu dalam suasana aman tanpa kecoh-kecoh. HINDRAF pun berjaya Tun HINDARI. Polis zaman Tun dulu pun tak perlu menaip Laporan Polis tak berhenti-henti seperti sekarang.

By zaidi aliAuthor Profile Page on March 2, 2009 4:55 PM

Salams Tun,

Rasanya dah tiba masanya "Bakal Kerajaan Najib" memfokuskan kepada masalah pokok yang paling hebat memberi tekanan kepada masalah kewangan rakyat Malaysia. Sepanjang tempoh pemerintahan di bawah "Kerajaan Pak Lah", rakyat kurang pendapatan kerana kerajaan terlalu berjimat. Banyak syarikat yang "gulung tikar" kerana tiada bisnes.

Semasa "Kerajaan Tun" memerintah rakyat hidup senang lenang, rezeki melimpah ruak, projek tak henti-henti, negara tak cukup duit Tun bawa mai FDI dan bermacam lagi yang Tun bawa.

Sekarang dah lain Tun. Rakyat susah, kadar jenayah meningkat, menteri dah berani merompak, kontraktor dah jadi pencuri, negara tak cukup duit terpaksa henti projek, FDI menyusut, pelabur lari dan bermacam beban yang rakyat terpaksa tanggung akibat kenaikan itu kenaikan ini.

Saya tak hanya salahkan Pak Lah dan ekonomi dunia yang lembab.

Sedikit sebanyak Tun juga bertanggungjawab mengenakan polisi-polisi kewangan yang membeban rakyat semasa kegemilangan "Kerajaan Tun" dahulu. Waktu itu rakyat bermewah walaupun rakyat terpaksa berbelanja lebih. Kalau makan gaji dengan syarikat swasta berpendapatan RM1,000 sebulan, kenaikan dapat 10% setahun dan bonus syarikat beri 2 bulan ke atas. Syarikat-syarikat semuanya SIHAT.

Sekarang ini sekiranya pendapatan gaji seorang kerani bank sebanyak RM1,000 sebulan, bayar kereta WIRA pun RM600 sebulan (Enam Puluh Peratus X Pendapatan). Polisi siapa yang menghentam beratus-ratus peratus cukai kereta import dan duti eksais hinggakan harga kereta import terlalu tinggi daripada harga WIRA yang sememangnya tinggi? Polisi siapa yang menekan kesemua harga kereta menjadi terlalu tinggi.

Terus terang saya katakan bahawa saya tidak sanggup lagi melihat anak muda berpendapatan RM1,000 sebulan mengeluh setiap bulan kerana terpaksa dicabut 60% pendapatannya hanya untuk sebuah WIRA yang sekarang ini semakin merosot kualitinya dan tiada nilai pasaran. Sepatutnya mereka boleh membeli sebuah Toyota VIOS dengan bayaran ansuran hanya sekitar RM300 sebulan. Polisi siapa asalanya yang menyebabkan mereka tiada pilihan? Cuba Tun fikirkan apa yang Tun boleh beli dengan baki RM400 di zaman Pak Lah sekarang. Tak patut sangatlah kita nasihatkan dia beli Modenas Kriss!

